

# 7,597 graduan UPM terima ijazah

## Pelajar cemerlang bantu ibu toreh getah

Oleh Siti Haliza Yusop  
shyusop@bharian.com.my

**S**ERDANG: Seramai 7,597 graduan termasuk 33 graduan sulung program Ijazah Sarjana Muda Sains Dietetik dan dua graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi Kayu menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-33 Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini, semalam.

Daripada jumlah itu, 5,984 pelajar menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dan 417 daripada jumlah itu berjaya menamatkan pengajian dalam Ijazah Kelas Pertama, 3,968 graduan (kelas kedua), 1,396 graduan (kelas kedua bawah) dan kelas ketiga membabitkan 34 graduan.

Majlis konvokesyen itu berlangsung selama empat

hari bermula 8 Ogos hingga 11 Ogos di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Bagi penerima Ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan, Nik Mohd Saiful Wan Mohd Sidik, beliau hanya ditemani kakak dan dua adiknya untuk meraikan kejayaannya berikutan kehilangan ayah dalam kemalangan pada 1998, manakala ibunya meninggal dunia sembilan tahun kemudian kerana penyakit buah pinggang.

Kini, Nik Mohd Saiful, 22 bersama kakak sulungnya, Nik Shazwani, 23, bukan saja mengambil alih peranan sebagai ibu bapa, malah terpaksa mengatur hidup dengan wang RM600 sumbangan Pertubuhan Keselamatan dan Kesihatan Sosial (Perkeso) bagi menyala-


kan kehidupan mereka.

“Selepas emak meninggal, saya pernah rasa putus asa untuk meneruskan pengajian kerana sebelum ini, emak banyak memberi dorongan. Tapi mujurlah saya berfikir panjang terutama apabila menengangkan nasib adik lain.

“Lagi pun kami anak yatim piatu, jika tidak cemerlang dalam pelajaran, bagaimana kami mahu memperbaiki hidup.” katanya, di UPM di sini, semalam.

Sementara itu, kesempitan hidup dan sokongan berterusan ahli keluarga menguatkan semangat Nor Afzan Ramli, 22, untuk menetapkan keseronokan hidup remaja dan menamatkan pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan cemerlang.

“Kadangkala apabila melihat rakan berbelanja, timbul



NOR AFZAN (kiri) bersama kembarnya, Nor Aini antara graduan UPM, semalam.

perasaan ingin membeli-belah dengan duit yang ada. Tapi saya sentiasa ingatkan diri untuk berjimat cermat kerana banyak keperluan lain yang perlu didahulukan. Saya memang tidak berkesempatan bermewah-mewah kerana khuatir terpaksa meminta duit daripada ayah di kampung.

“Saya juga ambil kesempatan membantu emak mengambil upah menoreh getah setiap kali cuti semester. Walaupun pendapatan tidak seberapa, sekurang-kurangnya dapat membantu saya membeli buku sebaik semester baru dibuka,” kata anak pengawal keselamatan sebuah sekolah rendah di Pahang ini.